

NO. SOALAN : 160

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS
MOJIGOH [PUTATAN]**

SOALAN :

**YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- a) bilakah cadangan Projek Rehabilitasi Fasa II bagi Tanjong Aru akan dilaksanakan dan dijadualkan siap; dan
- b) jenis-jenis projek yang dipohon oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bagi maksud yang sama yang belum diberikan dana lagi.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9), Kementerian ini telah membelanjakan sebanyak RM10.2 juta bagi Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Kg. Air Pelancongan Tanjung Aru, Sabah dan projek ini telah siap sepenuhnya pada Mei 2010.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini tidak menerima sebarang permohonan bagi Cadangan Projek Rehabilitasi Fasa II bagi Tanjung Aru daripada Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu (DBKK). Walaubagaimanapun Kementerian ini bersedia bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan projek pelancongan domestik dan antarabangsa yang berimpak tinggi dan memberi faedah kepada masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.